

105  
**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[BUKIT BENDERA - PKR]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**SOALAN NO.50**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan punca masalah dan kelemahan berkenaan dengan penjualan tiket bagi sukan bola sepak dalam temasya Sukan SEA 2017.

**SULIT****JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, penjualan tiket perlawanan atas talian bagi acara bola sepak sememangnya telah dijalankan sejak dari perlawanan yang awal lagi.
2. Bagi perlawanan-perlawanan awal, penjualan tersebut tidak mengalami sebarang masalah atau isu kerana permintaan untuk tiket bagi perlawanan-perlawanan tersebut adalah tidak terlalu tinggi dan pasukan yang bermain juga telah diketahui lebih awal seperti di dalam jadual yang telah dikeluarkan kepada umum.
3. Namun begitu, pada perlawanan akhir yang melibatkan pasukan negara menentang pasukan Thailand, dengan tempoh masa yang singkat antara 26 Ogos 2017 (perlawanan separuh akhir) dengan 29 Ogos 2017 (perlawanan akhir), iaitu hanya tiga hari, orang ramai khususnya penyokong negara telah pergi ke laman web untuk mendapatkan tiket dalam masa serentak.
4. Akibatnya, pihak pembekal bagi penjualan atas talian ini tidak dapat memberi jaminan kepada Kementerian bahawa proses penjualan dan pembelian akan berjalan secara lancar apabila terlalu ramai pembeli pada satu masa. Pihak pembekal juga tidak dapat memberi jaminan akan kestabilan sistem mereka apabila terlalu ramai orang membeli serentak.

**SULIT**

5. Sehubungan itu, setelah berbincang dengan semua pihak yang berkenaan, keputusan terpaksa dibuat untuk tidak menawarkan jualan tiket atas talian, walaupun di awal perancangan asal penjualan atas talian akan diadakan seperti pada perlawanan-perlawanan sebelumnya. Sebaliknya, penjualan tiket akan dilaksanakan di stadium.
6. Penjualan di stadium pada mulanya berjalan seperti yang dirancang. Walau bagaimanapun, penjualan terpaksa dihentikan seketika apabila terdapat segelintir orang ramai kurang sabar dan mula merempuh penghadang. Penjualan kemudiannya diteruskan seperti biasa sejurus setelah keadaan kembali teratur dengan kehadiran pasukan Polis Simpanan Persekutuan (FRU).

Sekian, terima kasih.